

Tender firma asing: Arahan

Syarikat2 British dirujuk ke JPM

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh YUNUS AWAS

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan mengarahkan semua kementerian, jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun merujukkan tawaran tender firma-firma British kepada Jabatan Perdana Menteri bagi penentuan akhir.

Mereka juga diarah menghantar bersama tender firma pilihan kedua yang bukan firma British.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengarahkan demikian berkata, perkara tersebut diputuskan dalam mesyuarat kabinet Rabu lalu.

"Kerajaan akan menentukan sesuatu tender sama ada hendak diberikan kepada firma British atau pilihan kedua," jelas beliau.

Perdana Menteri memberitahu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman telah diberitahu mengenai peraturan baru tersebut sebab saja ia diputuskan oleh kabinet.

Arahan tersebut bagaimanapun tidak melibatkan Kerajaan-Kerajaan Negeri, tetapi ia adalah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan yang akan dikuatkuasakan minggu ini.

Tawaran

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu para pemberita di sini

selepas menyaksikan pertunjukan sumber air

dasar bumi di Taman

Bunga pagi tadi bahawa arahan tersebut juga me-

ibatkan firma-firma usahasanya British di ne-

gara ini.

Katanya, mana-mana tawaran sama ada

sebagai perunding atau melaksanakan projek

kepada mana-mana firma British mesti

dikemukakan kepada jabatannya untuk kelulusan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, walaupun berbagai pandangan akan dibuat terhadap dasar tersebut, kerajaan tetap

melaksanakannya sebagai dasar Kerajaan Persekutuan di masa depan.

"Terpujanglah kepada mereka untuk membuat kesimpulan sendiri," tegasnya sambil menekankan ia tidak ada kaitan dengan dasar pelaburan negara.

Adalah difahamkan arahan tersebut dibuat sebagai tindak balas kerajaan terhadap lang-

kah Majlis Saham Perindustrian di Britain

minggu lalu meminda peraturan pengambil

alihan saham dan stok di pasaran United King-

dom.

Permodalan Nasional Berhad (PNB) meng-

ajukan kalangan pedagang di London

dengan kejayaannya mengambil alih Guthrie

Corporation melalui pembelian saham di London baru-baru ini.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, kerajaan tidak berniat menggunakan dasar memilik negarakan firma asing di sini, tetapi kerajaan mempunyai hak membeli saham dari mana-mana firma di ne-

gara ini.